

Teknologi Kawalan Padi Angin Untuk Amalan Sistem Tabur Terus Basah, WR Free® merupakan kaedah baru yang dibangunkan oleh MARDI pada tahun 2020 untuk mengawal padi angin dalam amalan sistem tabur terus basah dengan lebih berkesan dikenali sebagai WR Free®. WR Free® merujuk kepada Standard Operating Procedure (SOP) pengurusan padi angin melalui teknik penggunaan racun rumpai pracambah diubahsuai agar populasi biji benih padi angin dalam tanah dapat dikurangkan. Penggunaan SOP WR Free® yang tepat membantu mengurangkan populasi padi angin 30-45% pada musim pertama dan amalan SOP ini pada musim kedua mampu mengurangkan populasi padi angin sebanyak 70-85%.

HLT

AKTIVITI

- 40 Menebas dan membakar jerami (jika cuaca dibenarkan)

- 28 Menyembur racun rumpai pra-tanam (Glyphosate atau Glufosinate)

- 18 Membajak pertama (kedalaman 10-15 cm) dalam keadaan tanah kering

- 13 Masukkan air dalam sawah pada paras ketinggian 5 cm

- 10 Membajak kedua (kedalaman 10-15 cm) dalam keadaan tanah air bertakung

- 9 Menyembur racun rumpai pra-cambah (Pretilachlor atau Oxadiazon) dalam keadaan tanah air bertakung. Seterusnya, kekalkan air bertakung dalam sawah sekurang-kurangnya 7 hari berturut-turut

- 2 Mengeluarkan air sehingga aras tepu

- 1 Menyisir dan membadai (tidak digalakkan untuk membajak tanah)

- 0 Menabur benih pra-cambah dalam tanah air tepu menggunakan sumber biji benih padi sah yang bebas daripada biji benih padi angin

- 10-12 Masukkan air dalam sawah pada paras ketinggian 5 cm

- 14-28 Sembur racun rumpai lepas-cambah yang bersesuaian

- 80-90 Penakaian padi angin secara manual (roguing)

*HLT: Hari Lepas Tabur



INFO LANJUT

TEKNOLOGI KAWALAN PADI ANGIN UNTUK AMALAN SISTEM TABUR TERUS BASAH, WR Free®

LATAR BELAKANG

WRFree® lebih tertumpu kepada proses penyediaan tanah yang rapi. Teknik penyemburan dan penggunaan racun pra-cambah diubahsuai agar bank biji benih padi angin dalam tanah dapat dikawal dengan optimum. Terdapat dua racun pra-cambah yang disyorkan dalam SOP ini iaitu pretilachlor dan oxadiazon. Kedua-dua racun ini berasal daripada kumpulan kimia yang berbeza. Perkara ini sangat penting kerana petani boleh menggunakan racun ini secara bergilir dan ini akan mengurangkan risiko kemunculan padi angin atau rumpai lain yang rintang terhadap pretilachlor atau oxadiazon.

Maklumat terperinci berkenaan dengan SOP ini disenaraikan dalam jadual di atas. Hasil kajian di ladang membuktikan bahawa SOP WRFree® mengawal populasi padi angin dengan berkesan serta meningkatkan hasil tuaian padi. Pada musim pertama penggunaan SOP WRFree®, populasi padi angin kurang sebanyak 45% pada rawatan pretilachlor dan 30% pada rawatan oxadiazon. Kadar pengurangan ini masing-masing meningkat pada musim kedua penggunaan SOP WRFree® sebanyak 85% dan 70% pada rawatan pretilachlor dan oxadiazon. Pada musim pertama dan musim kedua hasil padi dengan kehadiran padi angin di plot kawalan adalah masing-masing sebanyak 2.2 dan 1.9 t/ha. SOP WRFree® dapat meningkatkan hasil padi sebanyak 3.4-3.9 t/ha di plot rawatan racun pretilachlor dan 3.1-3.5 t/ha di plot rawatan racun oxadiazon.